

Kesedaran Ibubapa Terhadap Ketagihan Remaja Dalam Penggunaan Peranti Elektronik

Parents' Awareness of Teenager Addiction to the Use of Electronic Devices

Fazlinda Ab Halim^{1*}, Wan Hanim Nadrah Wan Muda¹, Lee Ming Foong¹, Lai Chee Sern¹

¹ Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: fazlin@uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/jts.2024.16.02.009>

Maklumat Artikel

Diserah: 9 Oktober 2024
Diterima: 1 November 2024
Diterbitkan: 20 Disember 2024

Kata Kunci

Peranti elektronik, pengajaran dan pembelajaran di rumah, ketagihan penggunaan peranti

Abstrak

Seiring dengan perkembangan teknologi dalam abad ke-21, peranti elektronik telah mengalami pembaharuan dan peningkatan dari sudut kecanggihan teknologi dan reka bentuk dari hari ke hari yang dapat membantu kehidupan seharian seseorang agar menjadi lebih mudah dan efisien. Penggunaan peranti elektronik seperti telefon bimbit menjadi satu keperluan apabila sesi persekolahan secara PdPR bermula. Justeru, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan remaja sememangnya tidak dapat dielakkan dan lebih memburukkan keadaan adalah ketagihan remaja terhadap peranti ini. Kajian ini dijalankan untuk meneroka kesedaran ibu bapa terhadap ketagihan remaja dalam penggunaan telefon bimbit. Kajian secara tinjauan ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen dan diedarkan dalam talian menerusi *Google Form*. Seramai 44 orang terdiri daripada ibu atau bapa telah menjadi responden kajian ini menerusi persampelan mudah. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan menghasilkan dapatan seperti kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan ibu bapa tentang ketagihan remaja terhadap penggunaan peranti serta kesan ketagihan tersebut kepada para remaja. Namun begitu, hanya sebilangan kecil ibu bapa yang tahu mengenai pendekatan yang perlu diambil bagi menangani masalah ketagihan penggunaan peranti elektronik ini. Kesimpulannya, masalah ketagihan penggunaan peranti elektronik dalam kalangan remaja tidak harus dipandang ringan oleh semua pihak. Ibu bapa perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam menangani isu ini agar para remaja memanfaatkan kelebihan peranti dan tidak menyalahgunakan peranti tersebut.

Keywords

Electronic devices, teaching and learning at home, device usage addiction

Abstract

Along with technological advances in the 21st century, electronic devices have undergone renewal and improvement from the point of view of technological excellence and design from day to day that can help a person's day-to-day life to become more accessible and more efficient.

Electronic devices like mobile phones become necessary when the teaching and learning at home school session begins. As a result, teenagers' use of mobile phones is inevitable, and the worst is the teenager's addiction to these devices. The study was conducted to explore parents' awareness of teenagers' addiction to cell phone use. The survey uses questionnaires as a tool and is distributed randomly online via Google Forms. A total of 44 people, consisting of parents or fathers, have responded to this survey. This study data is analysed descriptively and produces findings such as frequency and percentage. Subsequent studies show a high level of awareness among parents about teenager addiction to the use of devices and the effects of such addiction on teenagers. However, only a small number of parents are aware of the approach to addressing the issue of addiction to electronic devices. In conclusion, the problem of the addictive use of electronic devices among teenagers should not be taken lightly by all parties. Parents need to play a more significant role in dealing with this issue so that teenagers take advantage of the device and do not abuse it.

1. Pengenalan

Seiring dengan perkembangan teknologi dalam abad ke-21, peranti elektronik telah mengalami pembaharuan dan peningkatan yang lebih canggih dari hari ke hari yang dapat membantu kehidupan seharian seseorang agar menjadi lebih mudah dan efisien. Peranti elektronik ini merangkumi pelbagai jenis telefon bimbit, komputer, komputer riba, tablet dan lain-lain. Penggunaan peranti elektronik membantu dalam mendapatkan maklumat secara cepat dan mudah di mana sahaja tanpa mengira waktu, peringkat umur dan status, tambahan lagi peranti ini boleh didapati dengan mudah pada harga yang berpatutan (Surat et al., 2021).

Penggunaan peranti elektronik memberi banyak kebaikan kepada para remaja sekiranya digunakan secara bijak dan berhemah. Selain itu, penggunaan teknologi ini dapat membantu semua pihak dalam memperoleh, menguasai, serta mendalami ilmu pengetahuan dengan lebih efektif dan efisien. Walau bagaimanapun, penggunaan peranti yang tidak terkawal boleh menyumbang kepada masalah sampingan iaitu ketagihan penggunaan peranti (Abdol Razak et al., 2021). Berdasarkan artikel yang dikeluarkan oleh *The Economic Times*, (2021), pandemik Covid-19 telah membawa kepada satu penyakit lain iaitu ketagihan peranti elektronik. Hal ini berlaku kerana para remaja telah didedahkan dengan penggunaan peranti pada peringkat umur yang masih kecil seiring dengan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang dijalankan secara atas talian. Sebelum berlakunya pandemik covid-19, ketagihan penggunaan peranti, internet dan aplikasi permainan secara berlebihan telah menunjukkan situasi yang membimbangkan dan telah mengalami peningkatan dan mencapai tahap yang baru semasa berlakunya wabak ini. Menurut ahli psikologi dan kaunselor, kebanyakan kanak-kanak yang menjalani kelas dan interaksi sosial secara atas talian telah berubah menjadi orang yang taksu kepada peranti disebabkan oleh pandemik Covid-19 (*The Economic Times*, 2021).

Penggunaan peranti elektronik dalam kalangan anak-anak dan remaja sememangnya tidak dapat dielakkan disebabkan pembelajaran atas talian. Kebanyakan ibu bapa tidak mengetahui tujuan sebenar anak-anak mereka menggunakan gadget sama ada mereka menggunakan peranti tersebut untuk proses pembelajaran atau menggunakan ia untuk perkara yang tidak berfaedah seperti bermain permainan dalam talian atau melayari media sosial. Masalah ini telah didorong oleh keinginan remaja yang tidak terkawal untuk menggunakan media sosial dalam tempoh masa yang panjang sehingga menjejaskan pendidikan dan mengabaikan tujuan sebenar penggunaan peranti (Hilliard, 2021). Remaja terlalu sibuk dalam mengakses pelbagai jenis laman sosial selain laman web pendidikan selama berjam-jam dan hal ini akan menimbulkan kesan yang negatif kepada mereka.

Menurut Aziz (2020), kajian pakar pendidikan kanak-kanak di Michael Cohen Group mendapati bahawa 60 peratus daripada ibu bapa yang mempunyai anak yang berusia 12 tahun menggunakan telefon bimbit mereka dengan kerap, 30 peratus sangat kerap, dan 36 peratus memilikinya sendiri. Namun begitu, terdapat ibu bapa yang mungkin tidak tahu akibat jangka panjang penggunaan gajet berlebihan oleh anak-anak mereka, jadi mereka memberikan gajet kepada anak-anak mereka sebagai ganti mereka. Penggunaan berlebihan peranti mempunyai kesan ke atas perkembangan dan kesihatan kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak yang masih dalam proses perkembangan neuron (Ismail, 2020).

Berdasarkan kajian Samsuddin dan Md Yusof (2020) penggunaan peranti elektronik yang tidak dikawal mampu membawa kesan buruk kepada kesihatan fizikal, mental dan emosi seseorang. Hal ini menunjukkan, kurangnya kawalan ke atas penggunaan peranti memberi kesan kepada kesihatan badan malah boleh menyebabkan berlakunya masalah pembelajaran. Kanak-kanak di bawah usia dua tahun yang dibiarkan memandang skrin untuk satu jangka masa tanpa kawalan dibimbangi boleh menjejaskan perkembangan bahasa, kemahiran membaca dan ingatan memori jangka pendek mereka

Oleh itu, kajian ini telah dijalankan untuk mengkaji kesedaran ibu bapa terhadap ketagihan remaja dalam penggunaan peranti. Kajian ini penting bagi mencegah ketagihan peranti sekali gus dapat menghalang para remaja daripada mengalami kemerosotan kesihatan, perubahan tingkah laku yang negatif dan kemerosotan prestasi akademik. Secara spesifiknya kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji mengenai kesedaran ibu bapa terhadap ketagihan remaja dalam penggunaan peranti elektronik. Kajian ini merangkumi tiga objektif seperti i) Mengkaji tujuan penggunaan peranti elektronik dalam kalangan remaja, ii) Mengenal pasti tahap pengetahuan ibu bapa terhadap kesan penggunaan peranti elektronik berlebihan dalam kalangan remaja dan iii) Mengenal pasti pendekatan yang sesuai digunakan oleh ibubapa bagi menangani isu ketagihan peranti elektronik

2. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan secara kuantitatif. Lokasi kajian adalah di Batu Pahat, Johor. Penyelidik telah memilih satu sekolah yang telah menyatakan persetujuan untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan ini. Populasi kajian terdiri daripada ibubapa remaja sekolah tersebut. Sampel kajian seramai 44 orang dipilih secara persampelan mudah (*convinient sampling*). Data kajian dikumpul menggunakan borang soal selidik menerusi *Google Form*. Data-data kajian yang diperolehi dianalisis secara deskriptif bagi mencapai objektif kajian menerusi perisian SPSS. Instrumen kajian. Soal selidik merupakan instrumen utama yang dipilih dalam mendapatkan data dan maklumat daripada sampel. Soalan kaji selidik diadaptasi dan diubahsuai untuk menjawab kesemua objektif dalam kajian ini dan soalan soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Perincian setiap maklumat soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut:

- **Bahagian A: Latar Belakang Demografi Responden**
Soalan yang dibina pada Bahagian A adalah untuk mengetahui demografi bagi setiap responden. Responden ditanya berkenaan jantina, status pekerjaan dan bilangan anak yang bersekolah.
- **Bahagian B: Tujuan Penggunaan Peranti elektronik dalam kalangan remaja**
Bahagian B mempunyai satu soalan yang bertujuan untuk mengetahui tujuan ibu bapa membenarkan penggunaan peranti elektronik dalam kalangan remaja.
- **Bahagian C: Kesan Penggunaan peranti elektronik Terhadap remaja.**
Bahagian C terdiri daripada tujuh soalan yang membincangkan perihai ketagihan penggunaan peranti elektronik dalam kalangan remaja.
- **Bahagian D: Pendekatan Yang Sesuai Untuk Menangani Isu Ketagihan Peranti Elektronik**
Bahagian D adalah untuk mengenalpasti pendekatan yang boleh digunakan oleh ibu bapa bagi mengelakkan anak-anak menjadi mangsa ketagihan peranti elektronik.

2.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Proses kesahan item soal selidik telah dilakukan oleh tiga orang pakar yang dipilih bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Kesahan soal selidik dilihat dari segi kesahan muka, bahasa dan kandungan agar sesuai dengan responden yang terlibat dalam kajian ini. Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak diuji. Oleh itu, kajian telah mengedarkan borang soal selidik yang telah disediakan kepada 30 orang responden. Tindakan ini bertujuan untuk mendapatkan kepastian sama ada soalan yang dibina baik atau perlu ditambah baik pada mana-mana bahagian. Pengumpulan data semasa proses penelitian tinjauan merupakan antara langkah penting untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan selaras dengan fokus kajian (Pranatawijaya et al., 2019). Kebolehpercayaan untuk soal selidik ini berada pada tahap tinggi iaitu nilai *alpha Cronbach* mencatatkan .866 secara keseluruhannya.

3. Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dan memaparkan dapatan kajian berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Data kajian dianalisis menerusi perisian SPSS bagi mendapatkan nilai kekerapan dan peratusan.

3.1 Demografi Responden

Seramai 44 orang responden yang terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak yang sedang bersekolah telah menjawab borang soal selidik. Jadual 1 menunjukkan dapatan kajian tentang demografi responden. Seramai 19 orang bapa (45.0%) dan 25 orang ibu (57.0%) telah terlibat sebagai responden kajian. Para ibu bapa tersebut mempunyai latar belakang pekerjaan yang berbeza seperti pekerjaan dalam sektor kerajaan seramai 19 orang (43.0%), sektor swasta, 12 orang (27.0%), bekerja sendiri seramai 6 orang (14.0%) dan tidak bekerja seramai 7 orang (16.0%). Majoriti ibu bapa mempunyai seramai satu hingga dua orang anak yang bersekolah iaitu 22 orang (50.0%) dan selebihnya mempunyai tiga hingga empat orang anak bersekolah, 16 orang (36.4%) serta lima orang ke atas anak bersekolah, 6 orang (14.0%).

Jadual 1 Demografi responden

	Kekerapan	Peratusan (%)
Status		
Bapa	19	43.0
Ibu	25	57.0
Pekerjaan		
Sektor kerajaan	19	43.0
Sektor swasta	12	27.0
Bekerja sendiri	6	14.0
Tidak bekerja	7	16.0
Bil anak bersekolah		
1-2	22	50.0
3-4	16	37.0
5 dan ke atas	6	14.0

3.2 Tujuan Penggunaan Peranti Elektronik Dalam Kalangan Remaja

Dapatan kajian pada bahagian ini ditunjukkan dalam Jadual 2. Responden dibenarkan untuk memilih lebih daripada satu jawapan dalam borang soal selidik. Majoriti ibu bapa memberikan peranti elektronik kepada anak-anak untuk memudahkan urusan pembelajaran dalam talian, 35 orang (79.5%). Ini diikuti dengan tujuan untuk memudahkan komunikasi antara ibu bapa dan anak, 23 orang (52.3%). Ibu bapa juga memilih item mencari maklumat sebagai tujuan mereka memberikan peranti elektronik kepada anak-anak, 17 orang (38.6%). Lain-lain tujuan seperti akses media sosial, membuat kerja sekolah dan hiburan mempunyai kekerapan seramai 8 orang

Jadual 2 Tujuan penggunaan peranti elektronik

Tujuan penggunaan peranti	Kekerapan	Peratusan (%)
Medium komunikasi	23	52.3
Akses media sosial	8	18.2
Mencari maklumat	17	38.6
Memudahkan urusan pembelajaran dalam talian	35	79.5
Membuat kerja sekolah	6	14.0
Hiburan	8	18.2

3.3 Kesan Penggunaan Peranti Elektronik Terhadap Remaja

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian mengenai kesan penggunaan peranti elektronik terhadap remaja berdasarkan persepsi ibu bapa. Terdapat tiga skala digunakan iaitu setuju, kurang setuju dan tidak setuju. Namun, tiada respon daripada ibu bapa bagi skala tidak setuju. Merujuk kepada jadual 3, kebanyakan ibu bapa bersetuju bahawa penggunaan peranti elektronik yang berlebihan membawa kesan yang negatif kepada remaja dari segi fizikal, mental dan emosi berdasarkan pemilihan jawapan ibu bapa. Hampir kesemua ibu bapa, 43 orang (97.7%) menyatakan setuju pada pernyataan mengenai kerosakan mata pada usia yang muda. 35 orang (79.5%) ibu bapa juga bersetuju bahawa penggunaan peranti berlebihan membantutkan perkembangan anak-anak seperti *speech delay*, aktiviti sosial terganggu, dan tidak aktif. Masih ramai ibu bapa iaitu 26 orang (59%) masih ragu-ragu sama ada obesiti disebabkan oleh penggunaan peranti berlebihan.

Jadual 3 Kesan penggunaan peranti elektronik terhadap remaja

Kesan penggunaan peranti elektronik	Setuju		Kurang setuju	
	Kekerapan	Peratus (%)	kekerapan	Peratus (%)
Membantutkan perkembangan anak-anak seperti <i>speech delay</i> , aktiviti sosial terganggu, dan tidak aktif	35	79.5	9	20.5
Kerosakan mata pada usia yang muda	43	97.7	1	2.3
Obesiti	26	59	18	41

Masalah memberi tumpuan di sekolah	33	75	11	25
Menjadi baran	33	75	11	25
Pendedahan terhadap perkara yang bukan-bukan seperti menonton video berunsur seksual, jenayah	36	82	8	18
Merasakan gadget itu satu keperluan hidup dan mengabaikan perkara-perkara penting disekeliling	36	82	8	18

3.4 Pendekatan Yang Sesuai untuk Menangani Isu Ketagihan Peranti Elektronik

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian mengenai pendekatan yang sesuai untuk menangani isu ketagihan peranti elektronik berdasarkan persepsi ibu bapa. Terdapat tiga skala digunakan iaitu setuju, kurang setuju dan tidak setuju. Namun, tiada respon daripada ibu bapa bagi skala tidak setuju. Kesemua ibu bapa, 44 orang (100%) setuju untuk menyibukkan anak-anak dengan aktiviti fizikal yang lain bagi menangani isu ketagihan peranti elektronik. Ibu bapa juga setuju, 43 orang (98%) dengan kerap memberitahu anak-anak tentang keburukan bermain peranti elektronik sehingga mereka faham merupakan satu pendekatan yang terbaik. Namun begitu, seramai 26 orang (59%) ibu bapa setuju dengan pernyataan memadai dengan cas gadget sebanyak 20% bateri atau kurang.

Jadual 4 Pendekatan yang sesuai untuk menangani isu ketagihan peranti elektronik

Pendekatan yang sesuai untuk menangani isu ketagihan peranti elektronik	Setuju		Kurang setuju	
	Kekerapan	Peratus (%)	kekerapan	Peratus (%)
Menyibukkan anak-anak dengan aktiviti fizikal yang lain	44	100	0	0
Menghadkan penggunaan gadget hanya pada masa tertentu	30	68	14	32
Memasang kata laluan/ Password pada gadget	34	77	10	23
Memadai dengan cas gadget sebanyak 20% bateri atau kurang	26	59	18	41
Kerap memberitahu anak-anak tentang keburukan bermain gadget sehingga mereka faham	43	98	1	2
Ibu bapa perlu sentiasa tegas dan tidak kalah dengan pujuk rayu anak-anak	42	95	2	5
Membiasakan anak-anak dengan bahan bacaan, pensel warna atau alat permainan ketika berada di luar rumah bagi mengelakkan penggunaan peranti dan berlakunya tantrum di khalayak ramai	40	91	4	9
Menyorok gadget daripada anak-anak sekiranya tiada keperluan seperti kelas atas talian supaya mereka tidak merasakan bahawa gadget merupakan satu keperluan	40	91	4	9
Memastikan anak tiada handphone sendiri sehingga mereka betul-betul matang	36	82	8	18
Menyediakan ruang untuk mereka bermain di rumah supaya mereka kekal seronok dan tidak bosan	41	93	3	7
Memperbanyakkan bersembang dengan anak-anak dan dengar luahan hati mereka	42	95	2	5

4. Perbincangan

Seramai 44 orang responden telah menjawab soal selidik dalam kajian ini. Responden berpendapat bahawa penggunaan peranti elektronik adalah bertujuan untuk memudahkan urusan pembelajaran atas talian. Selain daripada itu, responden juga bersetuju bahawa kemungkinan penggunaan peranti elektronik secara berlebihan akan mempengaruhi anak-anak secara negatif jika tidak dibendung dari awal. Beberapa pendekatan awal boleh dilakukan untuk mengelakkan isu ketagihan peranti elektronik ini. Rata-rata responden bersetuju dengan kerap menyibukkan anak-anak dengan aktiviti fizikal yang lain, menghadkan penggunaan gadget pada masa tertentu, memasang kata laluan serta kerap mengingatkan anak-anak tentang bahaya dan keburukan bermain gadget berlebihan merupakan langkah-langkah yang praktikal dan mampu dilakukan oleh ibu bapa dalam mengawal penggunaan peranti. Responden masih ragu-ragu akan langkah pengawalan dengan memadai mengecas gadget anak-anak sebanyak 20% bateri atau kurang.

Responden juga membuktikan bahawa mereka sedar akan bahaya yang akan dihadapi oleh anak-anak sekiranya berlebihan dalam penggunaan peranti elektronik. Secara keseluruhannya penggunaan peranti elektronik untuk anak-anak generasi alpha ini adalah perkara biasa kerana kemodenan hidup yang mementingkan teknologi dalam arus pembelajaran disedari oleh para ibubapa. Para ibubapa turut sedar cara mengawal dan cara untuk mengajar anak-anak mereka membatasi setiap perbuatan dalam penggunaan peranti elektronik seharian dengan bersetuju bahawa menghadkan masa penggunaan peranti elektronik terhadap anak-anak adalah perkara yang penting. Ibu bapa turut memahami bahawa tujuan anak-anak menggunakan gadget adalah tujuan pembelajaran. Dapatan kajian dalam memudahkan urusan pembelajaran adalah dipersetujui oleh ibubapa. Ibu bapa juga mengenal pasti pendekatan dan strategi yang sesuai untuk digunakan oleh mereka dalam menangani isu ketagihan peranti elektronik. Ini dibuktikan dalam dapatan kajian mengenai strategi dan rata-rata ibubapa adalah dalam kategori mempunyai pendekatan dan strategi tersebut. Oleh yang demikian, di dalam kajian ini didapati terdapat kesedaran ibubapa terhadap ketagihan remaja dalam penggunaan peranti elektronik.

Mohamed Hassan dan Mohamad Salleh (2022) menyatakan penggunaan peranti elektronik sememangnya banyak memberi kesan buruk sekiranya remaja menggunakan ia secara berlebihan tanpa kawalan. Pernyataan ini amat bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan ini. Akan tetapi, terdapat banyak faedah dan kebaikan peranti ini sekiranya remaja pandai menguruskan masa dan bijak mengawal diri untuk menumpukan perhatian yang sepenuhnya semasa sesi pembelajaran. Masalah ketagihan ini dapat diatasi dan dicegah sekiranya penggunaan peranti telah dikawal dan dipantau oleh ibu bapa dari peringkat awal.

5. Kesimpulan

Dalam era pemodenan ini, tidak dapat dinafikan kemajuan teknologi dan komunikasi membawa kebaikan dan nilai tambah kepada kehidupan kita. Adalah menjadi satu tanggungjawab kepada semua pihak untuk menyediakan persekitaran digital yang selamat dan bersesuaian kepada anak-anak bagi menghadapi kehidupan serba mencabar pada abad ke 21 ini. Berdasarkan kajian-kajian berskala besar yang telah dijalankan oleh pelbagai pihak, jelas menunjukkan terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan misalnya dari aspek pemantauan oleh ibubapa khususnya berkaitan dengan penggunaan peranti elektronik dalam kalangan remaja. Hasil daripada perbincangan ini diharap dapat memberi maklumat penting yang akan memberi implikasi kepada ketagihan gajet dikalangan remaja untuk ibubapa bagi berhadapan dengan cabaran generasi web dan mobil dalam era budaya digital ini agar dapat mewujudkan suasana persekitaran penggunaan peranti yang selamat kepada remaja. Strategi boleh digunakan sebagai model pemikiran rujukan untuk mengatasi ancaman internet dalam budaya digital dan sebagai panduan kepada profesional keselamatan untuk membina dan melaksanakan program kesedaran keselamatan kepada ibubapa yang prihatin. Hasilnya, ibubapa yang prihatin akan memperkasakan pengetahuan yang tepat dan kemahiran dalam keibubapaan siber. Pihak kerajaan juga disarankan agar mengambil kira unsur yang dicadangkan khususnya dalam membina polisi yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak dan remaja dalam talian demi mewujudkan persekitaran dalam talian yang lebih selamat.

Penghargaan

Penerbitan ini telah dibiayai oleh Pejabat Pendaftar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan manuskrip ini.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada manuskrip ini seperti berikut: **konsep dan reka bentuk kajian:** Ab Halim, F.; **pengumpulan data:** Ab Halim, F., Wan Muda, W.H.N.; **analisis dan tafsiran keputusan:** Ab Halim, F., Lee, M.F.; **penyediaan draf manuskrip:** Ab Halim, F., Lai, C.S. Semua pengarang menyemak keputusan dan meluluskan versi akhir manuskrip.

Rujukan

- Abdol Razak, A., Wan Khairuldin, W. M. K. F., Md. Reshad, H. F., Mat@Mohamad, M. Z., & Wan Nor Anas, W. N. I. (2021). Gadget Addiction Factors in Malaysia : A Literature Review Gadget. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(2), 151–156. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i2/8650>
- Aziz, F. (2020). *Gajet: Membantu atau merosakkan perkembangan anak anda?* <https://hellodoktor.com/ms/keibubapaan/tips-keibubapaan/gajet-membantu-atau-merosakkan-perkembangan-anak-anda/>
- Che Noh, C., Mustafa, C., & Ismail, I. R. (2021). Impak Pengetahuan dan Kesedaran Ibubapa Terhadap Gaya Hidup Digital. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 280-296.
- Hilliard, J. (2021). *Social Media Addiction - Addiction Center*. 2022 Addiction Center. <https://www.addictioncenter.com/drugs/social-media-addiction/>
- Ismail, R. (2020). Kawal tempoh „screen time“. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/WM/2020/05/573595/kawal-tempoh-screen-time>
- Mohamed Hassan, H., Mohamad Salleh, M., & Ahmad, A. (2021). Keibubapaan Digital dan Mediasi Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Internet Remaja di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 121-132
- Mohamed Hassan, H., & Mohamad Salleh, M. (2022). Analisis Persepsi Ibu Bapa Terhadap Manfaat dan Risiko Penggunaan Internet dalam Kalangan Remaja di Lembah Klang. *Malaysian Journal of Communication*, 144-163.
- Samsuddin, A. R., & Md Yusof, H. (2020). Penggunaan Gajet Terhadap Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 113-126.
- Surat, S., Govindaraj, Y. D., Ramli, S., & Yusop, Y. M. (2021). An Educational Study on Gadget Addiction and Mental Health among Gen Z. *Creative Education*, 12, 1469–1484. <https://doi.org/10.4236/ce.2021.127112>
- The Economic Times. (2021). *Covid brings about another illness: Gadget addiction*. <https://economictimes.indiatimes.com/news/india/covid-brings-about-another-illness-gadget-addiction/articleshow/85917380.cms>